



SIARAN MEDIA

Media Release



KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA
2023/24
HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY

LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA 2023/24
Report of Summary Findings
Household Expenditure Survey (HES) 2023/24



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA (KPK) 2023/24

**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PER KAPITA MENINGKAT DALAM KAJIAN
PERBELANJAAN KELUARGA (KPK) 2023/24**

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengeluarkan Laporan Penemuan Ringkas Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2023/24, yang memberikan gambaran terkini mengenai pendapatan, perbelanjaan dan struktur isi rumah di Negara Brunei Darussalam.
2. Kajian ini mendapati bahawa purata pendapatan bulanan per kapita meningkat sebanyak 11.2 peratus, daripada BND1,131 dalam KPK 2015/16 kepada BND1,257 dalam KPK 2023/24. Purata perbelanjaan bulanan per kapita turut meningkat sebanyak 18.2 peratus, daripada BND472 kepada BND558 dalam tempoh yang sama. Dapatan kajian juga menunjukkan perubahan secara beransur-ansur ke arah saiz isi rumah yang lebih kecil, selaras dengan perubahan dalam komposisi isi rumah dan corak kehidupan masyarakat.
3. Pendapatan median bulanan isi rumah ialah BND5,089, yang bermaksud separuh daripada isi rumah memperoleh pendapatan melebihi jumlah tersebut, manakala separuh lagi memperoleh kurang.
4. Dari segi sumber pendapatan, pekerjaan bergaji kekal sebagai penyumbang utama, merangkumi 66.9 peratus daripada purata pendapatan isi rumah. Selebihnya diperoleh daripada pendapatan harta, pemindahan seperti pencen dan bantuan Kerajaan, serta pekerjaan sendiri dan perniagaan keluarga.
5. Purata perbelanjaan bulanan isi rumah ialah BND2,817, manakala perbelanjaan median bulanan isi rumah ialah BND2,163. Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain kekal sebagai komponen perbelanjaan terbesar, menyumbang 38.7 peratus daripada jumlah perbelanjaan isi rumah. Ini diikuti oleh pengangkutan (11.6 peratus) serta makanan dan minuman ringan (10.9 peratus). Perbelanjaan isi rumah di luar negara turut meningkat berbanding KPK 2015/16, mencerminkan peningkatan aktiviti perjalanan dan perbelanjaan merentas sempadan.
6. Kajian ini turut menunjukkan perubahan ke arah saiz isi rumah yang lebih kecil, dengan lebih banyak isi rumah terdiri daripada keluarga nuklear atau individu yang tinggal bersendirian. Sehubungan itu, walaupun purata pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap isi rumah adalah lebih rendah berbanding kajian terdahulu, pendapatan dan perbelanjaan per kapita menunjukkan peningkatan kerana dikongsi oleh bilangan ahli isi rumah yang lebih kecil.

7. Kajian Perbelanjaan Keluarga lazimnya dilaksanakan setiap lima tahun. Walau bagaimanapun, KPK 2023/24 telah dijalankan selepas pandemik COVID-19 bagi memastikan data yang dikumpulkan mencerminkan keadaan ekonomi serta corak pendapatan dan perbelanjaan isi rumah yang lebih stabil.
8. Selain menyediakan maklumat mengenai pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, hasil kajian ini turut digunakan bagi mengemas kini wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) serta menyokong penyediaan perangkaan akaun negara dan perangkaan sosial.
9. JPES merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua isi rumah yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kerjasama yang diberikan amat dihargai dalam memastikan statistik rasmi yang berkualiti dapat dihasilkan bagi menyokong penggubalan dasar, perancangan dan pembangunan negara.
10. Laporan Penemuan Ringkas Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2023/24 boleh dimuat turun melalui laman sesawang JPES di www.deps.gov.bn.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS

REPORT OF SUMMARY FINDINGS
HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY (HES) 2023/24

**PER CAPITA INCOME AND EXPENDITURE INCREASED IN THE 2023/24 HOUSEHOLD
EXPENDITURE SURVEY (HES)**

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) has released the Household Expenditure Survey (HES) 2023/24 Key Findings Report, providing the latest insights into household income, expenditure and household composition in Brunei Darussalam.*
2. *The survey found that average monthly income per capita increased by 11.2 per cent, from BND1,131 in HES 2015/16 to BND1,257 in HES 2023/24. Average monthly expenditure per capita also increased by 18.2 per cent, from BND472 to BND558 over the same period. The findings also indicate a gradual shift towards smaller household sizes, reflecting changes in household composition and living arrangements.*
3. *The median monthly household income was BND5,089, meaning that half of all households earned more than this amount, while the other half earned less.*
4. *Salaried employment remained the primary source of household income, accounting for 66.9 per cent of average household income. The remaining income was derived from property income, transfers such as pensions and government assistance, and self-employment or family businesses.*
5. *The average monthly household expenditure was BND2,817, while the median monthly household expenditure stood at BND2,163. Housing, water, electricity, gas and other fuels continued to account for the largest share of household expenditure (38.7 per cent), followed by transport (11.6 per cent) and food and non-alcoholic beverages (10.9 per cent). Household expenditure abroad also increased compared to HES 2015/16, reflecting higher levels of overseas travel and cross-border spending.*
6. *The survey indicates a gradual shift towards smaller households, with more households comprising nuclear families or individuals living alone. Consequently, although average household income and expenditure were lower than in the previous survey, income and expenditure per capita increased, as household resources were shared among fewer household members.*
7. *The Household Expenditure Survey is normally conducted every five years. However, HES 2023/24 was conducted after the COVID-19 pandemic to ensure that the survey reflects household income and expenditure patterns under more stable economic conditions.*

8. *In addition to providing information on household income and expenditure, the survey results will be used to update the weights of the Consumer Price Index (CPI) and support the compilation of national accounts and other official statistics.*
9. *DEPS extends its sincere appreciation to all households that participated in the survey. Their cooperation has been invaluable in producing quality official statistics to support evidence-based policymaking, planning and national development.*
10. *The Household Expenditure Survey (HES) 2023/24 Key Findings Report is available on the DEPS website at www.deps.gov.bn.*